

# Ketengahkan Stesen FRIM Mata Ayer

um 15.6.10 27/5/10 18 - Perlis

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI  
utusanperlis@utusan.com.my

**PADANG BESAR** 14 Jun - Keunikan Stesen Penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Mata Ayer, di sini, perlu diketengahkan sebagai Warisan Kebangsaan yang secara tidak langsung dapat memperkenalkannya di rantau ini.

Raja Perlis, TuanKu Syed Sirajuddin Putra Jamalullail bertitah, ini kerana pengiktirafan atau keunikan yang terdapat di stesen berkenaan akan menjadikan Perlis lebih dikenali, termasuk dengan menguar-uarkannya menerusi media cetak dan elektronik.

"Ini termasuk penyediaan infor-

masi dalam bentuk poster atau risalah mengenai pelancongan yang diletakkan di hotel-hotel bagi memberi peluang kepada pelancong melihat kemudahan dan keistimewaan yang terdapat di negeri ini," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika menyempurnakan Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar dan Infrastruktur Kemudahan Ekopelancongan di stesen tersebut di FRIM Mata Ayer, hari ini.

Berangkat sama, Raja Muda Perlis, TuanKu Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Raja Perlis bertitah, FRIM menerusi stesen itu berjaya menjalankan penyelidikan sehingga meng-

hasilkan 71 baka pokok jati tempatan yang berpotensi untuk dikomersialkan secara berjadual.

TuanKu Syed Sirajuddin percaya dengan iklim agak unik berbanding negeri lain, Perlis yang mempunyai musim lembap serta kering dan panas begitu sesuai untuk pertumbuhan pokok jati.

"Maka tidak hairanlah, jati hidup dengan subur di negeri ini sehingga mengindahkan pemandangannya.

"Pokok jati sama ada ditanam di ladang atau tepi jalan dapat memberikan suasana persekitaran yang sejuk dan nyaman, malah berfungsi menstabilkan suhu persekitaran," titah baginda.



**TUAN**KU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan menandatangani plak perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar dan Infrastruktur Kemudahan Ekopelancongan sambil diperhatikan oleh TuanKu Syed Faizuddin Putra Jamalullail (tengah) di FRIM Mata Ayer, Padang Besar, Perlis semalam.